

Seni Bela Diri Melayu dalam Silat Cekak Pusaka Hanafi

The Malay Martial Art in Silat Cekak Pusaka Hanafi

MUHAMMAD HASNIMIZAN ISHAK & MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis seni bela diri Melayu yang dikenali sebagai Silat Cekak Pusaka Hanafi. Fokus diberikan kepada struktur dan fungsi gerak buah silat yang menjadi kekuatan sebenar pencak persilatan Melayu. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan kajian lapangan yang melibatkan pemerhatian ke atas demonstrasi 21 gerak buah silat tersebut serta menemu bual pewaris mutakhir yang masih aktif. Data dianalisis menggunakan Teori Struktural Fungsional oleh Talcott Parson yang mengandungi empat konsep iaitu, adaptasi, tujuan, pemeliharaan pola-pola dan integrasi. Teori ini diaplikasi bagi merungkai aspek struktur dan fungsi gerak buah silat ini. Melalui konsep adaptasi didapati 21 gerak buah diadaptasikan daripada 4 pergerakan solat iaitu, berdoa, qiam, rukuk dan takbiratul ihram bersama 5 bentuk pergerakan asas semula jadi manusia seperti berjalan, menepis, menetak, mencekik dan memijak. Melalui konsep tujuan, didapati 21 gerak buah ini bermatlamat mempertahankan diri dengan dimulakan dari bahagian teratas kepala hingga ke paras paha pesilat. Menerusi konsep pemeliharaan pola-polanya, dilihat bentuk asli 21 gerak buah ini dapat dikekalkan sejak dari 52 tahun lalu diasaskan. Akhirnya menerusi konsep integrasi, dilihat wujud kesepaduan antara adaptasi, tujuan dan pemeliharaan pola-pola dan integrasi 21 gerak buah ini. Dengan ini boleh difahami bahawa struktur dan fungsi dalam 21 gerak buah ini membantu memelihara keaslian persilatan ini. Struktur dan fungsi ini juga memperjelaskan ciptaan gerak buah adalah dipengaruhi oleh ciri-ciri budaya dan akal budi Melayu seperti mencontohi pergerakan solat orang Melayu Islam serta beberapa gerakan asas dalam aktiviti seharian mereka demi menjaga diri dan menyatakan kesyukuran ke atas nikmat pemberian nyawa dan segala anggota tubuh.

Kata kunci: Struktur; fungsi; 21 gerak buah; Silat Cekak Pusaka Hanafi; Teori Struktural Fungsional

ABSTRACT

This study analyzes the Malay martial arts called Silat Cekak Pusaka Hanafi. Focus is given to the structure and function of the movement of martial arts which is the real strength of these Malay martial arts. This qualitative study use the method of library research and field studies involving observation on the demonstration of 21 movements of silat and interviewing the latest martial arts practitioners who are still active. The data were analyzed using Talcott Parson's Functional Structural Theory that includes the four concepts of the theory namely adaptation, purpose, maintenance of patterns and integration. This theory is applied to unravel the structure and function of this martial arts movement. Through the concept of adaptation, the 21 movements are adapted from the four prayer movements namely doa, qiam, rukuk and takbiratul ihram along with 5 forms of human nature's basic movements such as walking, shuffling, stroke, strangling and trample. Through the concept of purpose, it is found that the 21 motion of the movements is aimed to defend itself by starting from the top of the head to the thighs of the pesilat (silat practitioner). Through the concept of pattern maintenance, the form of the originality of the 21 movements can be said to be preserved since 52 years was founded. Furthermore, through the concept of integration, it can be concluded that the relationship between the concept of adaptation, the purpose and the maintenance of the patterns in the whole motion of the movements. The existence of this structure and function has preserved the originality of its movement as a whole. These structures and functions also illustrate how the creation of their movement is influenced by the cultural characteristics and common sense of the Malays by adapting the prayer movements in their religion as well as the basic movements in their daily activities. This is done in order to guard against harm as directed and as a form of manifestation of gratitude for the gift of the body and the life conferred by the divine.

Keywords: Structure; functions; 21 movements; Silat Cekak Pusaka Hanafi; Functional Structural Theory

PENDAHULUAN

Silat adalah ilmu bela diri yang wajib dimiliki oleh setiap anak bangsa demi membela agama, bangsa dan negara. Silat sangat terkenal di seluruh Nusantara khususnya di Kepulauan Melayu terutama di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei (Vincent Parnabas, Mohamad Nizam Mohamed Shapie & Julinamary Parnabas 2015a). Menurut *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1999), seni silat Melayu adalah satu sistem pendidikan formal yang terlebih dahulu dipraktikkan sebelum hadirnya sistem pendidikan formal yang diperkenalkan oleh bangsa asing. Seni silat Melayu adalah warisan silam yang gilang gemilang sejak berzaman. Warisan seni silat Melayu ini telah menjadi kebanggaan bangsa Melayu sejak zaman berzaman (Abd. Rahman Ismail 2009). Melalui Chambers & Draeger (1978), bangsa Melayu berhak untuk berbangga dengan seni silat kerana seni silat telah dinyatakan serta diterima umum sebagai hak mutlak asli kepunyaan bangsa Melayu. Pemilikan mutlak ini menceritakan bahawa bangsa Melayu juga memiliki aset seni budaya warisan yang setanding dengan etnik-etnik dunia yang terlebih dahulu menempa kemajuan dan ketamadunan.

Namun begitu, seni silat Melayu seperti dipinggirkan sepanjang era penjajahan British. Hal ini selari seperti yang dinyatakan oleh Mohd. Ghouse Nasuruddin (1995), perkembangan seni sudah tidak diberi perhatian ketika di bawah payung pentadbiran kerajaan penjajah. Tidak terkecuali, seni silat juga telah digantikan dengan satu sistem bela diri ataupun perang yang dibawa oleh penjajah British. Meskipun seni silat seperti dipinggirkan, kuasa penjajah tidak dapat menyekat dan menghalang seni silat dari terus berkembang ketika itu. Ilmu seni silat terus dipelajari oleh bangsa Melayu di kawasan perkampungan mahupun pendalaman dengan tujuan melancarkan serangan menentang penjajahan.

Sehingga kini, sejumlah 446 jenis seni silat dicatatkan bernaung di bawah Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA). Secara umum, terdapat beberapa cabang perguruan sahaja yang masih lagi popular pada masa kini. Antaranya, Silat Gayung, Lincak, Harimau Berantai, Abjad, Cekak dan lain-lain lagi. Silat-silat tersebut masih popular kerana mengalami proses asimilasi mengikut Islam serta diadun dan disesuaikan mengikut kehendak budaya Melayu. Mengikut pandangan Abd. Hakim Mohad & Ros Aiza Mohd Mokhta (2017), agama

dan budaya mempunyai hubungan yang sangat rapat dan saling mempengaruhi antara satu sama lain, apabila wujudnya elemen asimilasi serta adunan ini membuatkan seni silat yang terbabit memiliki nilai tambah serta tarikan tinggi di kalangan bangsa Melayu.

Mutakhir ini, kemunculan satu jenis bentuk baharu aliran yang dipanggil silat moden juga telah dikenal pasti. Aliran ini menengahkan elemen kreativiti dan inovasi untuk para pengamal seperti silat Seni Bela Diri Tangan Kosong (BETAKOS) yang mampu menarik perhatian masyarakat moden. BETAKOS diilhamkan oleh saudara Ruzaidi Abd. Rahman mantan pesilat negara yang pernah memenangi pingat emas dalam Kejuaraan Silat Dunia 1990 di Belanda. Menurut Ruzaidi Abd. Rahman (2017), silat ini telah dibentuk hasil kreativiti dengan mengambil beberapa buah seni silat Melayu dan digabungkan menjadi satu sistem bela diri. Di antara silat Melayu yang didakwa juga memiliki elemen gabungan beberapa seni silat Melayu yang lain adalah Silat Cekak Pusaka Hanafi. Silat Cekak Pusaka Hanafi diasaskan oleh Hanafi Hj. Ahmad pada tahun 1965. Keistimewaan silat ini dapat dikenal pasti kerana memiliki elemen inovasi dan kreativiti dalam gerak buahnya.

Namun begitu, keistimewaan gerak buah seni silat ini tidak dijelaskan secara komprehensif dan saintifik dalam kebanyakan kajian lepas khususnya berkaitan struktur dan fungsi gerak buahnya. Dua elemen ini perlu dinilai bagi mendedahkan perkaitannya dengan budaya dan akal budi Melayu sehingga mampu membuatkan seni silat masih kekal dan berkembang hingga masa kini. Oleh yang demikian, menjadi satu tarikan untuk kajian ini memfokuskan hal struktur dan fungsi dengan berorientasikan kepada tiga objektif bagi mengenal pasti gerak buah, struktur dan fungsi serta menilai bentuk gerak buah seni silat ini.

TINJAUAN LITERATUR

Usaha menyelidik atau mengkaji Silat Melayu dikatakan semakin bertambah selepas Konvensyen Seni Silat Melayu yang pertama di Pulau Pinang tahun 1973 (Wan Dasuki 2018). Dalam kajian ini disoroti beberapa kajian ilmiah tentang silat yang boleh dikaitkan. Halimah Ahmad (1977) menyentuh secara khusus berkaitan memoir Allahyarham Ustaz Hanafi manakala Mohd. Amin Md. Akif (1988) telah membuat satu penilaian tentang keperibadian kebangsaan dan warisan bangsa yang telah dicetuskan

silat Melayu secara umum. Mustapha Kamal Ahmad Kassim (1992) menjalankan satu kajian untuk merungkai permasalahan tentang seni silat menurut pandangan Islam. Seterusnya Hamzah Sulaiman (1994-1995) telah mengangkat Silat Cekak Pusaka Hanafi sebagai satu subjek kajian. Elemen tentang unsur kebatinan yang dijadikan amalan membawa kepada satu pembentukan keperibadian yang dinilai dalam Silat Cekak Pusaka Hanafi. Kajian Nor. Aimi Mohd. Tahir (1995) juga telah menyentuh seni silat sebagai seni mempertahankan diri dengan dinilai dari aspek perspektif Islam. Amalan-amalan tentang kerohanian menurut perspektif Islam telah dibuat penilaian oleh kajian Suriyani Haron (1996). Beliau telah menilai tentang kelebihan yang dimiliki oleh seni silat yang mempunyai potensi dalam membentuk satu keperibadian dan juga sebagai satu cabang warisan negara.

Zahani Che Ismail (2000) mengangkat seni silat Tari yang wujud di negeri Kelantan sebagai subjek kajian beliau. Selain itu, kajian berkaitan garis panduan Islam di dalam seni persilatan Melayu merangkumi aspek asal usul, guru, pantang larang, pengijazahan tamat silibus pembelajaran telah dilaksanakan oleh Zaharah Samsudin (2001). Satu kajian yang menyentuh berkaitan struktur dan fungsi telah dilaksanakan oleh Satoru Tsunashima (2004), struktur dan fungsi silat ini dianalisis secara menyeluruh berkaitan perubahan yang dialami oleh institusi seni silat di semenanjung Malaysia. Kajian oleh Mohd Muhaizam Md. Ishak (2009), berfokuskan tentang amalan kerohanian dan kebatinan dalam Seni Silat Abjad di Malaysia. Kajian ini telah memperlihatkan tentang kerohanian Islam telah banyak dipraktikkan dalam Seni Silat Abjad. Selain itu, aspek kerohanian dan kebatinan di dalam Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia juga pernah dijadikan medium analisis kajian oleh Mohd. Muhaizam Md. Ishak (2009). Penilaian tentang unsur-unsur Islam yang diamalkan dalam seni silat Gayung Fatani Malaysia telah dilaksanakan Mohd Azhari Mohd Noor (2010).

Penemuan hasil dari sorotan kajian lepas mendapati bahawa penilaian yang dibuat adalah dari pelbagai sudut yang terdapat dalam seni silat Melayu umumnya. Daripada kesemua 12 kajian yang dikenal pasti ini hanya 3 kajian lepas yang menyentuh secara khusus tentang Silat Cekak Pusaka Hanafi. Antara ketiga-tiga kajian ini menekankan tentang memoir, perspektif Islam dan juga amalan kebatinan yang diamalkan oleh Silat Cekak Pusaka Hanafi. Tidak dinafikan terdapat kajian lepas yang menjadikan

Silat Cekak Pusaka Hanafi sebagai subjek namun begitu, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa belum terbit satu kajian yang menekankan secara komprehensif tentang struktur dan fungsi gerak buah yang terdapat dalam Silat Cekak Pusaka Hanafi. Perkara ini memperlihatkan tentang wujudnya kelompangan yang ketara akan kepelbagaian kajian yang melibatkan Silat Cekak Pusaka Hanafi.

Keseluruhan kajian yang dilaksanakan adalah di peringkat Sarjana Muda dan skop batasan kajian juga dilihat masih memiliki pelbagai kelompangan. Kajian-kajian yang dilaksanakan di peringkat ini kebanyakannya tidak menyentuh secara mendalam tentang elemen yang diketengahkan. Rata-rata kajian di atas hanya memperjelaskan aspek permukaan tanpa melakukan kajian yang lebih mendasar. Namun begitu, hasil dapatan kajian lepas yang dilaksanakan ini menjadi sandaran dalam merealisasikan kajian tentang struktur dan fungsi gerak buah Silat Cekak Pusaka Hanafi ini. Menyedari akan kelompangan yang terdapat dalam kajian-kajian lepas telah mendorong kajian ini dijalankan. Kajian ini menyentuh dari aspek struktur dan fungsi 21 gerak buah Silat Cekak Pusaka Hanafi agar dapat memperlihatkan elemen budaya dan akal budi Melayu itu turut terlibat sebagai pemangkin kepada pembentukan salah satu gerak buah seni silat Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah pemerhatian ke atas demonstrasi setiap satu persatu gerak buah telah dijalankan secara teliti di kelas latihan Silat Cekak Pusaka Hanafi di kawasan Serdang, Selangor dan Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Pemerhatian dilaksanakan bagi mengenal pasti tentang gerak buah yang dipraktikkan pada masa kini.

Temu bual telah dijalankan secara mendalam (*in-depth interviews*) terhadap pewaris mutlak iaitu Yang Mulia Syeikh Dr. Hj. Md. Radzi Hj. Hanafi. Beliau adalah anak keempat kepada Allahyarham Ustaz Hj. Hanafi bin Hj. Ahmad. Selain itu, temu bual secara berkumpulan (*focus group interviews*) ke atas pihak pengurusan tertinggi persekutuan seni silat ini serta jurulatih dan ahli juga telah berlangsung secara teliti. Antara responden ialah Mohammad Poizi Nawi selaku ahli (Majlis Perguruan dan Persilatan Silat Cekak Pusaka Hanafi), Aminuddin Hj Dahlan (Menantu Allahyarham Ustaz Hanafi merangkap Setiausaha Agung Persekutuan Seni Silat Cekak Pusaka

Ustaz Hanafi Malaysia (PSSCPHM), Azhan Ramiz Zainon (Penolong Setiausaha Agung, PSSCPHM), Nik Zulhazmi Nik Fuaad Ketua Komunikasi Korporat, PSSCPHM), Ariffabilah Idris (Timb Ketua Komunikasi Korporat, PSSCPHM).

Pemerhatian ke atas demonstrasi keseluruhan gerak buah dijalankan bagi mendapatkan satu gambaran keseluruhan setiap pergerakan gerak buah seni silat ini. Selain itu, secara tidak langsung pengkaji telah mempelajari keseluruhan buah ini di Peringkat Kaedah, Asas dan Jatuh bagi mengelakkan tanggapan prejudis masyarakat terhadap kajian ini. Tempoh selama enam bulan diperlukan untuk menamatkan pengajian keseluruhan gerak buah Silat Cekak Pusaka Hanafi di tiga peringkat ini. Setelah tamat pengajian, hasil dari pemerhatian dan penghayatan digunakan oleh pengkaji untuk melahirkan satu hasil dapatan kajian yang lebih bersistematik.

Kaedah kepustakaan juga telah digunakan bagi mengumpul maklumat yang mempunyai hubungan kait tentang ilmu persilatan, pergerakan dan juga pemahaman berkaitan struktur dan fungsi seni silat Melayu dan juga Silat Cekak Pusaka Hanafi secara khusus. Antara maklumat yang penting yang diperolehi tentang struktur dan fungsi gerak buah Silat Cekak Pusaka Hanafi ini adalah tentang sejarah awal yang merangkumi beberapa faktor seperti tujuan dan penyebab terbentuknya gerak buah ini. Hasil pengumpulan data ini telah melahirkan satu hujah berteraskan fakta dan bukannya hujah yang dibuat secara generalisasi.

Rakaman menggunakan medium audio dan visual dipraktikkan semasa menjalankan temu bual dan juga sepanjang proses pembelajaran gerak buah Silat Cekak Pusaka Hanafi. Selain itu, proses rakaman gambar pegun juga telah dilaksanakan terhadap beberapa model yang terdiri dari ahli seni silat ini sendiri. Kesemua bahan rakaman yang diperolehi ini telah dijadikan rujukan dalam melancarkan tugas menyediakan analisis kajian kes.

TEORI KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan kaedah dan pendekatan berteraskan kepada kualitatif. Perolehan data-data hasil dari kaedah kerja lapangan yang dilaksanakan dijadikan sebagai medium penganalisan bersandarkan Teori Struktural dan Fungsional. Teori ini menyentuh struktur dan fungsi serta memiliki kriteria yang bersesuaian untuk kajian budaya. Malinowski menjelaskan bahawa

fungsi dan struktur sesuatu aktiviti budaya boleh dijelaskan (Amri Marzali 1997). Talcott Parsons telah mengembangkan teori ini dengan lebih canggih. Teori Talcott Parsons ini turut dikenali dengan sebutan atau skema AGIL (Dewa Agung 2015; Purnomo Sidi 2014). Teori ini dilihat mampu untuk mengenal pasti, menghurai serta menganalisis struktur dan fungsi gerak buah Silat Cekak Pusaka Hanafi. Konsep-konsep dalam teori ini yang terbahagi kepada empat konsep iaitu, konsep Adaptasi, konsep Tujuan, konsep Pemeliharaan Pola-pola dan konsep Integrasi (George Ritzer 2004). Kesemua daripada empat konsep ini akan diaplikasi dalam kajian ini kerana melaluinya secara bersama, seluruh sistem Silat Cekak Pusaka Hanafi yang terdiri dari 21 gerak silat akan dapat diperlihatkan struktur dan fungsinya secara sistematik. Konsep Adaptasi akan menjelaskan bentuk pengaruh luar yang mempengaruhi gerak silat ini setelah disesuaikan dengan lingkungan dan keperluan. Konsep Tujuan akan menunjukkan bentuk tujuan dalam gerak silat yang ingin dicapai. Konsep Pemeliharaan Pola-pola akan menjelaskan penjagaan keaslian gerak silat dari perubahan. Konsep Integrasi akan menunjukkan hubungan dan penyusunan antara ketiga konsep Adaptasi, Tujuan dan Pemeliharaan Pola-pola yang saling melengkapi dengan segala struktur dan fungsi tersendiri dalam 21 gerak silat yang bersepadu. Kaedah penilaian lain seperti menggunakan konsep Nilai Melayu digunakan dalam kajian ini supaya membantu penilaian berdasarkan empat konsep teori yang digunakan. Nilai Melayu ialah nilai-nilai murni bangsa Melayu, Nilai-nilai ini terpancar dari nilai-nilai Islam yang meresap ke dalam aktiviti mereka (Mohd Yuszaidy & Muammar Ghaddafi 2015). Nilai-nilai ini membentuk jati diri dan akal budi Melayu Islam. Antara nilai-nilai tersebut adalah sabar, jujur dan menghormati. Oleh itu nilai-nilai Melayu dalam gerak buah Silat Cekak Pusaka Hanafi boleh dicerakin menggunakan konsep Nilai Melayu.

DAPATAN KAJIAN

Sepanjang menjalankan kajian lapangan, didapati gerak buah seni silat ini adalah untuk mempertahankan diri. Kenyataan ini berdasarkan kaedah pemerhatian ke atas keseluruhan pergerakan gerak buahnya serta dibandingkan dengan konsep asal penciptaannya. Seni silat ini berkonsepkan kepada kemampuan kudrat seseorang tanpa mengharapkan bantuan-bantuan dari alam ghaib. Maksud kemampuan kudrat sedia ada ini berkisarkan

kepada kemampuan seseorang untuk menggerakkan kedua kaki dan tangannya. Walaupun mudah dan ringkas, gerak silat ini boleh mendatangkan impak kecederaan yang serius kepada pihak musuh.

KONSEP ADAPTASI GERAK BUAH DARI PERGERAKAN SEMULA JADI MANUSIA

Analisis menggunakan konsep adaptasi mendapati, beberapa pergerakan yang dilakukan ketika mengerjakan ibadah solat seperti menadah tangan ketika berdoa yang dikenali sebagai Kaedah A,

qiam diadaptasikan menjadi Kaedah B, rukuk ditemui di dalam Kaedah C manakala pergerakan takbiratulihram dibentuk menjadi Kaedah D. Kesemua gerak kaedah ini adalah gerakan awal bagi keseluruhan gerak buah seni silat ini. Namun begitu, beberapa pergerakan semula jadi manusia dalam melakukan aktiviti harian seperti melangkah ketika berjalan, menepis, menetak, mencekik dan memijak juga dapat dinyatakan pengadaptasiannya di dalam gerak buah seni silat ini seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Pecahan gerak buah yang dikenal pasti mengandungi adaptasi yang berkaitan pergerakan semula jadi manusia

Bil.	Adaptasi Dari Perlakuan Manusia	Gerak Buah yang Terlibat	Jumlah Gerak Buah
1.	Menadah tangan ketika berdoa	Buah Pertama, Buah Kilas Belakang Buah Kidong Kiri Buah Hentak Buah Ali Patah Atas Buah Ali Patah Sudah Buah Selendang Buah Paras Buah Keputusan Pasung Kemanga Buah Luncur dan Buah Siku Potong	11
2.	Qiam tangan di dalam solat	Buah Keputusan Gayung Fatani, Buah Keputusan Sendeng Atas Buah Kuntau Jatuh Buah Gari Buah Ali Patah Sudah	5
3.	Rukuk di dalam solat	Buah Kilas Hadapan Buah Keputusan Terlak Buah Keputusan Lintau.	3
4.	Takbiratul ihram di dalam solat	Buah Kuntau Kiri Buah Hempuk	2
5.	Melangkah ketika berjalan	Kesemua 21 Gerak Buah	21
6.	Menepis	Kesemua 21 Gerak Buah	21
7.	Menetak	Buah Keputusan Sendeng Atas Buah Kidong Kiri Buah Kuntau Kiri Buah Kuntau Kiri Gantung Buah Paras	5
8.	Mencekik	Buah Kilas Belakang Buah Kilas Hadapan Buah Ali Patah Sudah Buah Gari Buah Paras	5
9.	Memijak	Buah Pertama Buah Keputusan Gayong Fatani Buah Kuntau Kiri Gantung Buah Hentak Buah Ali Patah Atas	5

Sumber: Muhammad Hasnimizan (2018:69-67)

KONSEP TUJUAN GERAK BUAH SEBAGAI SISTEM MEMPERTAHANKAN DIRI

Analisis menggunakan konsep tujuan, didapati 21 gerak buahnya bertujuan mempertahankan diri dengan bermula dari bahagian teratas kepala hingga ke paras paha pesilat (sejajar dengan hujung jari dua tangan yang diluruskan ke bawah). Sebagai satu contoh, gerak buah yang dapat menjelaskan tentang kenyataan di atas adalah gerak Buah Pertama. Gerak buah ini ketika di Peringkat Asas, bertujuan untuk menepis serangan tangan dari musuh yang menghala ke arah bahagian dada pesilat. Tindak balas dari pesilat adalah dengan menepis di bahagian siku lantas melepaskan tumbukan di bahagian sisi rusuk musuh. Menurut Poizi Nawi (2017), pukulan di bahagian siku musuh mampu untuk melemah dan membuatkan gerakan tangannya menjadi tidak stabil. Seterusnya menurut Ariff (2017), sekiranya pihak musuh terus melancarkan serangan, sambungan gerak buah ini di Peringkat Jatuh adalah bertujuan untuk menjatuhkan musuh dan memastikan ia tidak terus dapat melawan dengan kaedah kunci serta serangan tumbukan di bahagian bernyawa, dada dan juga muka.

Tumbukan dari pesilat adalah menyasarkan anggota badan di kawasan dada musuh. Dada merupakan bahagian utama badan manusia yang terlibat dalam memastikan sistem pernafasan berjalan lancar. Impak yang terhasil dari tumbukan pesilat ini akan mengganggu sistem pernafasan musuh dan secara tidak langsung melemahkan struktur dan fungsi keseluruhan anggota badannya. Menurut Am Rukky Santoso (2007), paru-paru adalah sistem utama yang penting dalam pernafasan, sebarang gangguan akan mengganggu proses pernafasan sehingga berpotensi akan membawa kepada kegagalan seseorang itu bernafas hingga menyebabkan kematian.

Penemuan di atas dapat disimpulkan bahawa, keseluruhan 21 gerak buah seni silat ini dibentuk bagi mengawal sistem terpenting bagi seseorang manusia. Sistem yang dimaksudkan adalah sistem pernafasan. Mengamalkan teknik gerak buahnya mampu melindungi sistem pernafasan dari diganggu dan dcederakan oleh serangan-serangan yang dilakukan oleh pihak musuh ke atas pesilat. Tujuan ini menjelaskan keprihatinan pengasasnya terhadap pentingnya mengawal sistem pernafasan agar tidak mendedahkan diri pesilat kepada risiko kecederaan yang tinggi kerana tidak mampu melawan serangan musuh disebabkan terganggunya sistem pernafasan.

KONSEP PEMELIHARAAN POLA-POLA MENGEKALKAN KEASLIAN

Faktor-faktor yang mempengaruhi pemeliharaan pola-pola ini antaranya, sistem pentadbiran, pengurusan, ekonomi, perubahan politik dan sebagainya. Dalam membicarakan tentang proses pemeliharaan pola-pola gerak buah seni silat ini yang lebih terdedah kepada berlakunya perubahan dan penambahbaikan kerana usianya telah menjangkau hampir 52 tahun. Sepanjang tempoh tersebut tidak mustahil boleh berlakunya perubahan dan sebagainya. Selepas menjalankan kajian lapangan melalui sesi temu bual bersama Pewaris Mutlak Silat Cekak Pusaka Hanafi pada 8 Januari 2018 telah memberikan satu penyelesaian kepada persoalan tentang aktiviti pemeliharaan pola-pola terhadap gerak buah seni silat ini.

Menurut Yang Mulia Syeikh Dr. Hj. Md. Radzi Hanafi (2018), keseluruhan gerak buah seni silat ini tidak pernah mengalami sebarang proses perubahan yang mengganggu gugat keasliannya. Pemeliharaan tentang keaslian telah dititikberatkan supaya dapat berfungsi dengan sebaik mungkin. Secara tidak langsung, hasil dapatan kajian ini menjawab persoalan oleh pihak-pihak tertentu berkaitan pengguguran beberapa buahnya hingga mendakwa Silat Cekak Pusaka Hanafi telah hilang keasliannya. Menurutny lagi, kesemua pengguguran terhadap beberapa buah tersebut dilakukan oleh Allahyarham Ustaz Hanafi ketika hayatnya. Perkara ini membuktikan bahawa, keaslian Silat Cekak Pusaka Hanafi yang diwarisi tidak perlu dipertikaikan. Hal ini kerana elemen pemeliharaan pola-pola berjalan dengan baik sejak dari Yang Mulia Syeikh Dr. Md Radzi Hanafi ditabalkan sebagai Pewaris Mutlak seni silat ini. Hasil dari pemerhatian pengkaji, konsep pemeliharaan pola-pola di dalam gerak buah seni silat ini adalah berkait dengan pergerakan empat kaedah utama, anggota tangan mendominasi setiap gerak yang membuatnya mudah untuk dipelajari dan diaplikasikan oleh sesiapa sahaja.

KONSEP INTEGRASI PELENGKAP GERAK BUAH SILAT CEKAK PUSAKA HANAFI

Konsep integrasi bermaksud jalinan ataupun pertalian antara satu dengan yang lain. Adanya jalinan antara konsep iaitu, Adaptasi, Tujuan dan Pemeliharaan pola-pola membuktikan bahawa gerak buah Silat Cekak Pusaka Hanafi memiliki struktur dan fungsinya tersendiri. Sebagai satu sampel,

gerak Buah Pertama adalah adaptasi dari gerak perlakuan ketika seorang manusia yang beragama Islam menadah tangan ketika berdoa. Manakala pergerakan lanjutan gerak buah ini adalah terhasil dari adaptasi pergerakan semula jadi manusia ketika berjalan. Hasil dari adaptasi ini, memperlihatkan gerak buah ini memiliki satu tujuan yang jelas iaitu untuk menumpaskan serangan musuh dengan menyasarkan bahagian sistem pernafasannya. Disebabkan tujuan ini telah terbukti mampu mempertahankan diri pesilat serta mendatangkan kecederaan kepada pihak musuh, membuatkan gerak buah ini tidak ditambah ataupun dibuat pengurangan gerakannya. Begitu juga perihalnya dengan gerak buah yang lain yang telah dijaga dari berlaku perubahan padanya. Ini secara tidak langsung telah memelihara keasliannya.

Berlakunya pemeliharaan ini menjelaskan tentang wujudnya aktiviti Pemeliharaan Pola-pola dalam seluruh gerak buah seni silat ini. Oleh yang demikian, segala aktiviti yang dinyatakan ini membuktikan wujudnya kriteria konsep integrasi antara konsep adaptasi, tujuan dan juga pemeliharaan pola-pola. Kewujudan jalinan konsep integrasi ini adalah pelengkap kepada kriteria yang di perlukan bagi menyatakan bahawa gerak buah seni silat ini memiliki struktur dan fungsinya tersendiri seperti yang dikehendaki oleh 'Teori Struktural Fungsional'. Penemuan ini juga membuktikan secara tidak langsung konsep integrasi ini berkaitan tentang inovasi dan kreativiti pengasasnya dalam membentuk keseluruhan gerak buah seni silat ini secara berstruktur dan memiliki fungsi-fungsinya yang tersendiri.

PERBINCANGAN

Struktur dan fungsi yang dijelaskan di atas memperjelaskan penciptaan gerak buahnya adalah dipengaruhi oleh ciri-ciri budaya dan akal budi Melayu. Ciri-ciri ini dapat dikenal pasti melalui adaptasi pergerakan solat dalam agama Islam serta gerakan asas dalam aktiviti harian mereka. Akal budi mencerminkan perbuatan, pemikiran dan sikap seseorang manusia yang mendukung kebijaksanaan, kehalusan jiwa serta keindahan (Norazimah Zakaria et al. 2017). Analisis secara deduktif yang dijalankan ke atas semua gerak buah dalam fasa sebelum ini telah mencetuskan satu penemuan. Seperti yang dinyatakan dalam fasa sebelum ini, empat kaedah ini tercipta hasil dari pengadaptasian dari empat gerak yang sinonimnya

dilakukan ketika seseorang yang beragama Islam mengerjakan ibadah solat. Seperti yang dinyatakan oleh Ismail Hamid (1999), kebudayaan bangsa Melayu telah banyak dipengaruhi oleh kebudayaan Islam. Ini menjelaskan keadaan bangsa Melayu menerima unsur Islam tanpa ragu-ragu. Kenyataan-kenyataan yang dicetuskan oleh para ilmuwan sebelum ini juga mendapat perhatian dari Mohd Yuszaidy dan Muammar Ghaddafi (2015) yang juga turut menyatakan bahawa nilai masyarakat Melayu memiliki keunikan tersendiri kerana amat berkaitan rapat dengan ajaran Islam. Bahkan ini merupakan salah satu bentuk manifestasi kepada unsur kepercayaan kepada agama Islam yang dianuti umat Melayu dan kesan kehidupan beragama yang sentiasa dipatuhi dalam diri umat Melayu. Tanggapan seperti ini dapat dikatakan sedemikian jika dilihat dari konteks atau konsep tingkah laku beragama sama ada yang dijelaskan oleh sarjana Barat seperti atau sarjana Islam (Nor Nazimi Mohd Mustaffa, Jaffary Awang & Aminudin Basir@ Ahmad 2017).

Secara tidak langsung, pergerakan berdoa, qiam, rukuk, takbiratul ihram adalah satu bukti yang begitu jelas dalam menghuraikan tentang gerak buah seni silat ini adalah medium yang berfungsi sebagai pengaplikasian nilai-nilai Islam di dalamnya. Ternyata bahawa, pembinaan keseluruhan gerak buah seni silat ini adalah satu cerminan sama ada secara sadar ataupun tidak membawa satu evolusi serta perspektif yang positif berkaitan pergerakan yang mampu dihasilkan oleh gerak yang wujud dalam ibadah solat. Hal ini menjelaskan bahawa Islam sebagai agama dan sistem kepercayaan yang menjadi teras kepada jati diri bangsa Melayu. Perkara ini juga menjadi pendorong kepada pengasas seni silat ini menilai kemampuan pergerakan yang terdapat dalam ibadah solat mampu dievolusikan menjadi sebagai pergerakan yang berkualiti bagi mempertahankan diri. Berlakunya evolusi gerak buah berteraskan kepada pergerakan yang terdapat di dalam solat secara tidak langsung membuktikan bahawa Islam itu bukan hanya sekadar kepercayaan ritual bangsa Melayu malah menjadi satu inspirasi untuk diadaptasikan ke dalam satu pergerakan yang berpotensi dijadikan sistem mempertahankan diri. Hal ini tidaklah janggal kerana Islam itu adalah teras dalam membentuk budaya dan akal budi bangsa Melayu itu sendiri.

Tidak keterlaluan juga jika dinyatakan bahawa, budaya dan akal budi Melayu saling berkaitan dalam terbentuknya keseluruhan gerak buah seni

silat ini. Penilaian yang dijalankan mendapati gerak buah Silat Cekak Pusaka Hanafi menjurus kepada pengamalan adab yang baik serta bersesuaian dengan kehidupan bangsa Melayu. Adab menurut Hashim Hj. Musa (2008) adalah satu elemen yang merujuk kepada tingkah laku, keperibadian, fiil perangai yang menjadi satu medium penyumbang yang bermanfaat kepada kehidupan di sekelilingnya. Penekanan tentang amalan beradab ini menjadi satu pegangan dalam membuktikan bahawa wujudnya nilai Melayu di dalamnya. Hal ini dapat ditemui apabila keseluruhan gerak buah seni silat ini adalah bermula dari pergerakan tangan menangkis serangan pihak musuh. Bermula dari Buah Pertama sehinggalah yang terakhir didapati anggota tangan adalah anggota pertama yang digerakkan menangkis serangan. Selain itu juga membuktikan bahawa sejumlah dua puluh tepisan serangan dari musuh yang menggunakan tangan dengan mengaplikasikan empat Kaedah A, B, C dan D. Hal ini membuktikan bentuk gerak buahnya memerlukan anggota tangan mendominasi secara keseluruhan berbanding anggota kaki pesilat. Anggota kaki adalah sebagai mekanisme yang digunakan oleh pesilat penampun untuk menjatuhkan musuh. Berbeza dengan sesetengah seni bela diri seperti Tekwando dan Muay Thai yang menjadikan anggota kaki sebagai alat untuk menyerang.

Identiti ini terbentuk melalui penggunaan tangan dalam mengaplikasikan gerakannya. Menepati perspektif bangsa Melayu yang melihat anggota tangan adalah lebih mulia dan beradab berbanding dengan anggota kaki. Dalam menilai konteks kemuliaan tangan ini, tidak perlu dibandingkan antara tangan dan kaki mengikut perspektif Melayu, cukuplah sekadar membuat perbandingan tangan kanan itu lebih mulia dari tangan kiri. Islam telah mendidik umat bangsa Melayu tentang kemuliaan tangan kanan sebagaimana juga diceritakan oleh sahabat Umar bin Abi Salamah RA.:

Sewaktu aku masih kecil, ketika itu berada dalam asuhan Rasulullah SAW, pernah suatu ketika tanganku ke sana ke mari (ketika mengambil makanan). Lalu Rasulullah SAW bersabda kepadaku: “Ucaplah ‘Bismillah’ dan makanlah dengan tangan kananmu, serta ambil makanan yang berdekatan denganmu”. (Al-Bukhari, no. hadis 5376)

Sudah menjadi amalan orang Melayu mengamalkan adab-adab yang seiring dengan tuntutan Islam dan hal ini dapat ditemui di dalam gerak buah seni silat ini. Hasil dari kreativiti dan ilmu pengetahuan agama yang tinggi oleh pengasasnya adalah

pendorong kepada terjadinya hal sedemikian. Diharapkan melalui budaya dan akal budi Melayu yang diterapkan sebagai struktur dan fungsi gerak buah seni silat ini mampu melahirkan insan yang berilmu, sopan, berbudi bahasa dan pekerti, arif tentang kedudukan dan fungsi sesuatu (Hashim Hj. Musa 2009). Ini menjelaskan seseorang manusia yang mempunyai adab mampu menjadi insan yang berpotensi mencorakkan kegemilangan dalam kehidupan.

Gerak buah Silat Cekak Pusaka Hanafi telah dikenal pasti sebagai medium mempertahankan diri. Sifat bersahaja bermula dari langkah menunggu serangan hinggalah ke gerakan pukulan amat sinonim dengan gerak buahnya. Tidak berfokus kepada kekuatan dari sudut kudrat dan tenaga luar biasa seseorang, tetapi menjadi keutamaan untuk mematah dan menewaskan serangan pihak musuh melalui kepantasan mengaplikasikan gerak dengan baik. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa gerak buah silat ini tidak mengajar para pengamalannya menjadi megah dan takbur dengan memiliki ilmunya. Punca kepada lahirnya sifat-sifat ini berkemungkinan dari gerak tari yang tidak wujud dalam silibus pembelajaran. Penciptaan gerak tari dianggap sebagai untuk mempamerkan kekuatan ataupun kehebatan diri kepada pihak lawan. Elemen mempamerkan kekuatan menjadi satu titik mula kepada terbentuk sifat megah di dalam diri. Hal ini mungkin telah disadari oleh pengasas Silat Cekak Pusaka Hanafi hingga mendorong beliau tidak mencipta gerak tari dalam seni silat ini. Gerak buah Silat Cekak Pusaka Hanafi hanya bersandarkan kepada pertolongan dari Allah SWT dalam memenangi serangan dari musuh. Gerak buah silat ini tidak memiliki elemen menakut-nakutkan lawan dengan kaedah mempamerkan kekuatan diri dan sebagainya.

Penilaian terhadap bentuk gerak buah Silat Cekak Pusaka Hanafi dapat dikelaskan kepada beberapa bahagian. Antara hasil dapatan kajian menunjukkan keseluruhan gerak buah seni silat ini bertunjangkan kepada empat jenis kaedah iaitu A, B, C dan D. Selain itu, bentuk gerak buah Silat Cekak Pusaka Hanafi juga mempunyai pertalian dengan nilai-nilai Islam. Pertalian ini dapat dibuktikan kerana terhasilnya empat kaedah ini ada diilhamkan dari pergerakan Berdoa, Qiam, Rukuk, Takbiratul Ihram sinonimnya dilakukan ketika seseorang yang beragama Islam mengerjakan ibadah solat. Selain itu juga, elemen budaya dan akal budi Melayu dengan secara jelas diterjemahkan melalui sistem

nilai. Antaranya nilai menghormati, jujur, dan bersabar. Hal ini menjelaskan struktur dan fungsi gerak buah seni silat ini bukan hanya diungkapkan dari aspek teknikal semata-mata. Pengamalan nilai-nilai Melayu secara konsisten melalui seni silat ini amat penting di masa kini kerana mampu menyumbang kepada lapisan masyarakat dalam menghadapi serangan-serangan ideologi dan budaya Barat dalam arus era globalisasi bagi golongan remaja Melayu khususnya. Dalam pada itu, seni silat ini dapat menjadi medium sebagai cerminan kepada bangsa Melayu Islam tentang keperkasaan minda masyarakat Melayu dalam kehidupan bangsa menjadi lebih bertamadun dan dihormati.

Elemen inovasi dan kreativiti dapat dinilai melalui tujuh gerak buah yang dikenal pasti memiliki nama silat Melayu yang lain seperti Silat Gayong Fatani, Sendeng, Harimau, Kemanga, Terlak dan Lintau. Namun begitu, pengolahan mengikut kesesuaian yang dilakukan terhadap tujuh gerak buah membuktikan gerak buah seni silat ini adalah terbentuk dari hasil inovasi dan kreativiti.

Walaupun terdapat beberapa kajian lepas telah menyentuh tentang Silat Cekak yang dipimpin oleh Persatuan Silat Cekak Malaysia tetapi masih belum lahir satu kajian yang menyentuh tentang gerak buah Silat Cekak Pusaka Hanafi secara saintifik. Sepanjang menjalankan kajian ini, terdapat beberapa kelompangan yang wajar diberi perhatian oleh para pengkaji di masa hadapan. Antara persoalan yang masih belum terjawab secara pengkajian ilmiah adalah berkaitan dakwaan berlakunya pengurangan gerak buah asal dari dua puluh lima (25) menjadi dua puluh satu (21) sahaja. Persoalan ini perlu diungkai di dalam kajian masa hadapan agar generasi masa hadapan dapat penjelasan secara akademik sebab-sebab berlakunya pengurangan ini.

Selain itu, wujud juga persoalan tentang nama-nama yang terdapat di dalam gerak buah seni silat ini. Kajian berbentuk historis ini akan meninggalkan satu kesan yang mendalam kepada generasi masa hadapan mengenali lebih mendalam seni silat ini. Kajian ini juga secara tidak langsung akan mencungkil berkaitan falsafah dan corak pemikiran pengasas secara terperinci. Dua persoalan yang timbul sepanjang menjalankan kajian ini membuktikan bahawa Silat Cekak Pusaka Hanafi masih memiliki kelompangan yang perlu diisi dari sudut akademik.

KESIMPULAN

Struktur dan fungsi gerak Buah Silat Cekak Pusaka Hanafi dikenal pasti melalui empat konsep ‘Teori Struktural Fungsional’. Konsep yang pertama iaitu Adaptasi mendapati 21 gerak buah tersebut adalah diadaptasi dari 4 pergerakan solat iaitu berdoa, qiam, rukuk dan takbiratul ihram. Selain itu, 5 bentuk pergerakan asas semula jadi manusia seperti berjalan, menepis, menetak, mencekik dan memijak juga diadaptasikan di dalam gerak buahnya. Melalui Konsep Tujuan, didapati 21 gerak buahnya bertujuan mempertahankan diri bermula dari bahagian teratas kepala manusia sehingga ke paras paha (sejajar dengan hujung jari dua tangan yang diluruskan ke bawah) pesilat. Menerusi Konsep Pemeliharaan Pola-Polanya didapati bentuknya masih kekal tidak berubah seperti yang diasaskan sejak 52 tahun oleh pengasasnya. Keasliannya dijaga dengan rapi kerana pihak perguruan seni silat ini menyedari tentang keistimewaan gerak buah ini mampu berfungsi dengan baik sebagai medium mempertahankan diri. Melalui Konsep Integrasi, didapati setiap gerak buahnya adalah hasil jalinan antara tiga konsep di atas, adaptasi, tujuan dan pemeliharaan pola-pola. Ini menunjukkan struktur dan fungsi wujud di dalam 21 gerak buahnya membuatkan keaslian bentuknya terpelihara hingga kini. Penemuan ini juga membuktikan gerak buah seni silat ini dibina dengan teras-teras tersendiri. Perkara ini mampu menghilangkan dakwaan oleh sesetengah pihak yang mengatakan gerak buah seni silat ini tidak bersistematik. Dengan kajian seperti ini diharap minat masyarakat khususnya orang Melayu akan bertambah terhadap seni silat warisan bangsa. Hal ini perlu diusahakan apabila hasil kajian statistik yang dijalankan ke atas populasi masyarakat yang terlibat dalam jenis sukan ketenteraan seperti judo, tekwando, karate-do, silat dan *kick boxing* ini menunjukkan sukan jenis ini lebih popular dalam kalangan masyarakat di negara-negara maju berbanding masyarakat di negara-negara membangun (Vincent Parnabas, Mohamad Nizam Mohamed Shapie & Julinamary Parnabas 2015b).

PENGHARGAAN

Kajian ini di bawah penyelidikan GGPM-2016-022 Etos Melayu dalam Pengajaran *Sabil al-Muhtadin* di Malaysia dan Indonesia.

RUJUKAN

- Abd Hakim Mohad & Ros Aiza Mohd Mokhta. 2017. Agama dan budaya berpisah tiada: tinjauan terhadap masyarakat Murut Tahol di Sabah. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 5(2): 3-12.
- Abd Rahman Ismail. 2009. *Seni Silat Melayu Sejarah Perkembangan dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail, Abu Abd Allah al-Ju'fi. 2001M/1422H. *Sahih al-Bukhari*. Dar Tawq al-Najah.
- Aminuddin Hj Dahlan. 2017. Latar Belakang Silat Cekak Pusaka Hanafi. Kuala Lumpur. Temu bual, 26 Oktober.
- Amri Marzali. 1997. Struktural-fungsionalisme. *Jurnal Antropologi Indonesia* 21(52): 33-43.
- Ariffabilah Idris. 2017. Gerak Buah Silat Cekak Pusaka Hanafi Keseluruhan. Kuala Lumpur. Temu Bual, 21 November.
- Chambers, Q. & Dreager, D. F. 1978. *Javaness Silat: The Fighting Art of Perisai Diri Tokyo*. New York: Kodansha International.
- Dewa Agung Gede Agung. 2015. Pemahaman awal terhadap anatomi teori sosial dalam perspektif struktural fungsional dan struktural konflik. *Jurnal Sejarah dan Budaya* 9(2): 162-170.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. 1999. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- George Ritzer. 2004. *Teori Sosiologi*. Yogyakarta: Kreasi Wacana.
- Halimah Hj. Ahmad. 1977. *Hanafi Haji Ahmad dan Seni Silat Cekak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hamzah Sulaiman. 1995. *Fahaman Kebatinan dan Keperibadian dalam Silat Cekak (Persatuan Seni Silat Cekak Hanafi Malaysia)*. Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi: Institut Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu.
- Hanafizan Hussain. 1991. *Seni Silat Cekak dan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.
- Hashim Haji Musa. 2008. *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Ghouse Nasruddin. 1995. *The Malay Dance*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddafi Hanafiah. 2015. Impak media baharu terhadap sistem nilai masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 31(2): 33-46.
- Mohd. Amin Md. Akif. 1988. Silat sebagai Lambang Keperibadian Kebangsaan dan Warisan Bangsa. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Mohd. Muhaizam Md. Ishak. 2009. Amalan Kerohanian dan Kebatinan dalam Seni Bela Diri Orang Melayu: Kajian Terhadap Kefahaman dan Amalan dalam Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia. Disertasi. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhammad Hasnimizan Ishak. 2018. Struktur dan Fungsi Gerak Buah Silat Cekak Pusaka Hanafi. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustapha Kamal Ahmad Kassim. 1992. Silat Menurut Pandangan Islam: Suatu Tinjauan Terhadap Seni Silat Gerak Kilat Malaysia. Latihan Ilmiah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nik Zulhazmi Nik Fuaad. 2017. Perkembangan Silat Cekak Pusaka Hanafi, Kuala Lumpur. Temu bual, 21 November.
- Nor Aimi Mohd. Tahir. 1995. Silat Pertahanan Diri Menurut Perspektif Islam: Satu Tinjauan Tentang Seni Silat Cekak Malaysia. Latihan Ilmiah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nor Nazimi Mohd Mustaffa, Jaffary Awang & Aminudin Basir@Ahmad. 2017. Tingkah laku beragama menurut Freud. *Akademika* 87(3): 89-99.
- Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Mimi Hanida Abdul Mutalib, Alizah Lambri, Siti Salwa Jamaludin, Mashitah Sulaiman & Rosmah Derak. 2017. Akal budi dan cerminan jati diri Melayu dalam pantun. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 4(2): 89-97.
- Poizi Nawi. 2017. Struktur dan Fungsi Silat Gerak Buah Cekak Pusaka Hanafi, Kuala Lumpur. Temu bual, 21 November.
- Purnomo Sidi. 2014. Krisis karakter dalam perspektif Teori Struktural Fungsional. *Jurnal Pembangunan Pendidikan: Fondasi dan Aplikasi* 2(1): 72-81.
- Ruzaidi Abd. Rahman. 2017. Seni Bela Diri Moden. Selangor. Seminar Seni Silat Melayu, 13 September.
- Satoru Tsunashima. 2004. *Perubahan Peranan dan Fungsi Institusi Persilatan Melayu di Semenanjung Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Suriyani Haron. 1996. Amalan-amalan Kerohanian Menurut Pandangan Islam dalam Persilatan Melayu: Tumpuan kepada Silat Seni Gayung Fatani. Latihan Ilmiah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Vincent Parnabas, Mohamad Nizam Mohamed Shapie & Julinamary Parnabas. 2015a. Level of Drugs Usage and Sport Performance in Malay Silat *IDO MOVEMENT FOR CULTURE*. *Journal of Martial Arts Anthropology* 15(2): 45-51 DOI: 10.14589/ido.15.2.7
- Vincent Parnabas, Mohamad Nizam Mohamed Shapie & Julinamary Parnabas. 2015b. Motives of taking part in Malay Silat, Karate-Do and Taekwondo *IDO MOVEMENT FOR CULTURE*. *Journal of Martial Arts Anthropology* 15(3): 8-21 DOI: 10.14589/ido.15.3.3

- Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah. 2018. Meor Abdul Rahman: Konsep Tempur Seni Gayong dan inovasi silat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu* 29: 262-285.
- YM Syeikh Dr. Hj. Md. Radzi Hj. Hanafi. 2018. Struktur dan Fungsi Gerak Buah Silat Cekak Pusaka Hanafi, Kuala Lumpur. Temu bual, 8 Januari.
- Zahani Che Ismail. 2000. Seni Silat Melayu: Tumpuan kepada Seni Silat Tari di Kelantan. Latihan Ilmiah. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Zaharah Samsudin. 2001. Seni Persilatan Melayu dari Perspektif Islam: Kajian Khusus Terhadap Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi. Latihan Ilmiah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhammad Hasnimizan Ishak
Pusat Kelestarian Warisan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor, Malaysia
E-mail: hasnimizan@yahoo.com
- Muammar Ghaddafi Hanafiah (Ph.D)
(corresponding author)
Pusat Kelestarian Warisan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor, Malaysia
E-mail: muammar@ukm.edu.my

Received: 10 November 2018

Accepted: 27 Febuari 2019

